

**Asian Social Work Journal (ASWJ)**

Volume 2, Issue 1, September 2017

Journal home page:  
[www.msocialwork.com](http://www.msocialwork.com)**Keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Terhadap Murid Berkeperluan Khas****Norafifah Bali<sup>1</sup>, Mohamad Hashim Othman<sup>1</sup>**<sup>1</sup>Universiti Sains Malaysia (USM)Correspondence: Norafifah Bali ([fifah87@gmail.com](mailto:fifah87@gmail.com))**Abstrak**

Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah yang terlibat dalam Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif menghadapi cabaran unik. Cabaran unik ini adalah disebabkan oleh tanggungjawab mereka untuk memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada dua kumpulan klien, yakni pelajar aliran perdana dan Murid Berkeperluan Khas. Kajian lepas mendapati Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah kurang terlibat dalam memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap Murid Berkeperluan Khas dan dicatatkan kompetensi kaunseling terhadap Murid Berkeperluan Khas adalah berada pada tahap rendah sehingga sederhana. Oleh itu, kajian lanjut mengenai keterlibatan dan kompetensi ini perlu dilaksanakan. Metodologi kajian kualitatif seperti Kajian Kes Pelbagai adalah reka bentuk kajian yang sesuai dilaksanakan untuk kajian ini. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang dicadangkan, iaitu temubual separa berstruktur dan analisis dokumen. Hasil kajian ini akan menyumbang kepada Model Kompetensi Kaunseling Multibudaya dalam seting Pendidikan Khas dan penambahbaikan panduan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling khususnya kepada Murid Berkeperluan Khas.

**Kata kunci:** perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, kompetensi kaunseling multibudaya, ketidakupayaan, murid berkeperluan khas, guru bimbingan dan kaunseling sekolah

**Involvement and Multicultural Counselling Competency Among School Guidance and Counselling Teacher Towards Special Needs Students****Abstract**

School Guidance and Counselling Teachers who involved in the Integrated Special Education Program and the Inclusive Education Program are facing unique challenges. This unique challenge is due to their responsibility in providing guidance and counselling services to two groups of client, the mainstream students and the Special Needs Students. Previous study found that School Guidance and Counselling Teachers were less involved in providing guidance and counselling services to Special Needs Students and their counseling competence towards Special Needs Students level was indicated from low to moderate. Therefore, further studies on involvement and competencies need to be implemented. A qualitative research methodology such as Multiple Case Studies is the ideal research design for this study. There are two proposed methods of data collection, semi structured interviews and document analysis. The results of this study will contribute to the Multicultural Counselling Model

in the Special Education setting and the improvement of the guideline of guidance and counselling services especially to Special Needs Students.

**Key words:** school counselling, multicultural counselling competency, disability, special needs student, school counsellor

---

## Pengenalan

Murid Berkeperluan Khas (MBK) terdiri daripada murid yang mempunyai perbezaan keupayaan dari segi penglihatan, pendengaran, pembelajaran mahupun ketidakupayaan fizikal. Perbezaan keupayaan ini membuatkan mereka memiliki isu yang berbeza berbanding murid biasa. Struktur pembelajaran khusus turut dibangunkan oleh kerajaan bagi menampung keperluan khas mereka. Namun demikian, pembangunan yang telah dilaksanakan ini telah mengundang pelbagai cabaran ke atas diri MBK dan secara tidak langsung kepada para pentadbir sekolah terutamanya Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS). Cabaran yang dilalui oleh GBKS dalam membekalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK perlu diteroka agar dapat memenuhi keperluan perkhidmatan yang terbaik kepada MBK.

Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mencatatkan peningkatan bilangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) saban tahun, iaitu daripada 46,008 orang MBK pada tahun 2010 kepada 76,166 orang MBK pada tahun 2016 (KPM, 2016). Antara sekolah yang dimasuki MBK adalah sekolah aliran perdana yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dilaksanakan pada tahun 1962 dengan matlamat untuk menempatkan MBK ke dalam persekitaran sekolah aliran perdana. Tetapi, kelas pembelajaran mereka adalah secara berasingan dengan pelajar aliran perdana. Oleh itu, Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang diwujudkan pada tahun 1998 merupakan sebuah program yang menempatkan MBK di dalam kelas pembelajaran bersama dengan pelajar aliran perdana (KPM, 2012a, 2012b).

Apabila MBK mengikuti program-program ini, pertembungan antara budaya antara pelajar MBK dan pelajar aliran perdana telah berlaku. Mereka telah didedahkan dengan persekitaran budaya yang berbeza sehingga memberi cabaran kepada MBK terhadap keupayaan mereka beradaptasi dengan persekitaran. Cabaran ini turut dirasai oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS) dalam membekalkan perkhidmatan yang terbaik kepada MBK dan pelajar aliran perdana.

Seterusnya, MBK sendiri mempunyai pelbagai isu. Walaupun isu yang dihadapi oleh MBK adalah sama seperti yang dihadapi oleh pelajar aliran perdana (Richmond-Frank, 2015), tetapi, MBK mempunyai isu tambahan lain. Antara isu yang dihadapi oleh MBK adalah persepsi sendiri yang tidak realistik (*distorted mirror*) (Richmond-Frank, 2015), dipandang negatif (Parchomiuk, 2015), kompetensi sosial yang rendah (Krajncan, Sinjur, & Kranjec, 2015), tidak menamatkan persekolahan (Goodman, Bucholz, Hazelkorn, & Duffy, 2014), diskriminasi daripada guru (Sazak-Pinar & Güner-Yildiz, 2013), transisi persekolahan (Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, Eng, Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar, 2013), dan peluang pekerjaan (Roberts, 2012).

Isu kepelbagaian tersebut memerlukan GBKS mempunyai kecekapan yang lebih dalam membantu pelajar menangani isu dan memenuhi keperluan unik masing-masing. Hal ini kerana, GBKS merupakan individu yang mempunyai peranan besar dalam membantu MBK mengatasi isu dan halangan yang ditempuhi (Auger, 2013; Gruman, Marston, & Koon, 2013; Hott, Thomas, Abbassi, Hendricks, & Aslina, 2014a, 2014b; Roberts, 2012; Tait, 2013) selain memainkan peranan mereka dalam membantu pelajar aliran perdana (Hott, Thomas, Abbassi, Hendricks, & Aslina, 2015; Nichter & Edmonson, 2005).

GBKS juga merupakan individu utama untuk memberi perkhidmatan kepada MBK di sekolah (Auger, 2013) dan bertindak sebagai perunding dan penasihat kepada MBK (Fish & Smith-Augustine, 2015). Sumber pengetahuan GBKS mengenai ketidakupayaan dapat digunakan dalam membantu kurikulum MBK seterusnya menjadi penghubung kepada komuniti (Hott et al., 2014b). Selain daripada membantu dalam peringkat kurikulum, pengetahuan pada GBKS dapat membantu pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) memenuhi keperluannya dengan merancang pelaksanaan program kaunseling sekolah (Roberts, 2012). Tait (2013) menyatakan bahawa GBKS turut memainkan peranan dalam membantu MBK menempuhi transisi pembelajaran mereka setelah mereka tamat sekolah menengah.

Walau bagaimanapun, GBKS mempunyai cabaran tersendiri berkenaan dengan pelaksanaan tanggungjawab mereka terhadap MBK. Terdapat dua isu yang dikenalpasti, iaitu mengenai keterlibatan GBKS dalam membekalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya terhadap MBK yang dimiliki oleh GBKS. Kedua-dua isu ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya.

### **Keterlibatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah terhadap Persekitaran Budaya Berbeza**

Interaksi dengan persekitaran budaya yang berbeza akan meninggalkan kesan terhadap seseorang individu. Kesan seperti kepercayaan, keselesaan, dan pengetahuan mungkin berlaku akibat daripada interaksi tersebut. Keterlibatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (GBKS) terhadap persekitaran Murid Berkeperluan Khas (MBK) kemungkinan dapat membantu dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan berkesan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, keterlibatan dinyatakan sebagai sebuah konsep yang membawa makna seperti pendedahan terhadap masyarakat multibudaya (Lewis, 2010; Steuernagel, 2014; Strike, Skovholt, & Hummel, 2004); pengalaman mengikut tahun (Aksoy & Diken, 2009; Strike et al., 2004); dan interaksi kepada masyarakat multibudaya (Adams, 2015; Lewis, 2010; Nichter & Edmonson, 2005). Konsep ini adalah penting untuk meningkatkan pemahaman seseorang kaunselor terhadap budaya klien.

Pengkaji telah melaksanakan tinjauan awal terhadap tiga buah sekolah di Pantai Barat Sabah yang melaksanakan PPKI atau PPI. Hasil tinjauan ini mendapati bahawa GBKS daripada sebuah sekolah tidak memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK manakala GBKS daripada dua buah sekolah kurang memberikan perkhidmatan tersebut terhadap MBK berbanding kepada pelajar aliran perdana. Kajian ini turut disokong oleh dapatan kajian oleh pengkaji tempatan lain.

Pengkaji tempatan, Hanani Harun Rasit (2014), telah mengkaji pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam elemen ketidakupayaan terhadap guru bimbingan dan kaunseling, guru pendidikan khas, dan ibu bapa pelajar. Hasil kajian mendapati pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar masalah pembelajaran berada pada tahap sederhana rendah. Hal ini dapat membuktikan terdapatnya isu keterlibatan dalam kalangan GBKS terhadap MBK.

Hasil kajian oleh Wickremesooriya (2015) terhadap guru-guru dan murid sekolah rendah yang mengalami *Speech, Language and Communication Needs* (SLCN) menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman mengenai SLCN meningkat apabila guru-guru berkomunikasi dengan murid tersebut. Steuernagel (2014) telah menjalankan sebuah kajian terhadap faktor yang mempengaruhi sensitiviti antara budaya dalam kalangan kaunselor sekolah antarabangsa. Kajiannya mendapati bahawa kaunselor yang melanjutkan pelajaran dan banyak meluangkan masa di luar negara menunjukkan peningkatan dalam sensitiviti antara budaya. Kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan terhadap sesebuah budaya dapat meningkatkan kesedaran berkenaan dengan perbezaan budaya. Walau bagaimanapun, Adams (2015) mendapati bahawa jika hanya mempunyai pendedahan tetapi tanpa interaksi tidak membantu dalam meningkatkan efikasi sendiri multibudaya.

Seterusnya, pengalaman mengikut tahun dan keberadaan dalam seting pendidikan khas turut

merupakan faktor dalam kompetensi multibudaya. Kajian Aksoy dan Diken (2009) menunjukkan bahawa kaunselor sekolah yang berpengalaman 17 tahun dalam seting pendidikan khas melaporkan tahap efikasi sendiri yang lebih tinggi. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Steuernagel (2014) menunjukkan kaunselor sekolah yang berumur 41 hingga 50 tahun menunjukkan tahap pembangunan antara budaya yang lebih tinggi berbanding dengan kaunselor sekolah yang berumur 22 hingga 30 tahun. Namun, kajian yang dijalankan oleh Adams (2015) dan Strike et al. (2004) menunjukkan pengalaman mengikut tahun bukan merupakan pengukur dalam aspek multibudaya.

Lewis (2010) yang telah menjalankan kajian mengenai efikasi sendiri kaunselor sekolah mendapati pengalaman dalam pendidikan khas memberi kesan terhadap efikasi sendiri dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling terhadap MBK. Manakala hasil kajian oleh Nichter dan Edmonson (2005) menunjukkan kaunselor sekolah hanya bersedia mengendalikan kaunseling terhadap MBK jika mereka mempunyai pengalaman dalam seting pendidikan khas. Strike et al. (2004) yang telah menjalankan kajian mengenai laporan sendiri kompetensi dalam mengendalikan klien OKU terhadap ahli kesihatan mental profesional mendapati peserta kajian yang memiliki pengalaman berorientasikan ketidakupayaan mempunyai kompetensi ketidakupayaan yang tinggi berbanding dengan peserta kajian yang tidak memiliki pengalaman tersebut. Namun, kajian yang dilaksanakan oleh Dodson (2013) menunjukkan perkara yang sebaliknya, iaitu hasil kajian mendapati bahawa Kompetensi Kaunseling Multibudaya tidak mempunyai hubungan dengan pengalaman kaunselor sekolah.

Oleh itu, penelitian daripada hasil kajian lepas menunjukkan bahawa keterlibatan melalui interaksi terhadap sesebuah kumpulan budaya berbeza meninggalkan pengaruh positif terhadap diri seseorang. Walau bagaimanapun, didapati GBKS kurang terlibat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK dan hal ini menimbulkan persoalan mengapa keadaan ini terjadi. Selain itu, terdapatnya hasil kajian yang bercanggah membuktikan lagi keperluan kajian lanjut berkenaan konsep keterlibatan ini.

### **Kompetensi Kaunseling Multibudaya Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah**

Seorang yang mempunyai kompetensi dalam kaunseling multibudaya didefinisikan oleh Sue dan Sue (2008) sebagai kaunselor yang memiliki tiga ciri berikut iaitu; kesedaran akan andaian pada dirinya berkenaan dengan nilai dan bias terhadap tingkah laku manusia; mempunyai pengetahuan terhadap perbezaan pandangan klien dan kaunselor; dan mempunyai kemahiran dalam praktis dan intervensi yang bersesuaian dalam bekerja dengan klien yang pelbagai. Kompetensi multibudaya merupakan konstruk yang penting dalam perkhidmatan menolong kerana ia dapat membantu dalam pelaksanaan pengurusan yang lebih baik (Sheri, 2015).

Kajian mengenai Kompetensi Kaunseling Multibudaya di Malaysia adalah sedikit jika dibandingkan di luar negara. Beberapa kajian dilaksanakan di Malaysia adalah menjurus kepada elemen bangsa, etnik, dan agama. Rafidah Aga Mohd Jaladin (2013) telah menjalankan kajian kualitatif mengenai halangan dan cabaran kompetensi multibudaya terhadap 12 orang kaunselor profesional. Hasil kajian mendapati kaunselor tidak kompeten dalam konteks multibudaya disebabkan kewujudan perbezaan antara kaunselor dan klien bukan OKU serta mereka tidak mempunyai kepakaran terhadap perbezaan tersebut. Hal ini bermakna, kaunselor yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling terhadap klien yang mempunyai perbezaan budaya, tidak mempunyai kompetensi dalam melaksanakan intervensi.

Seterusnya, sebuah kajian di Malaysia telah dijalankan oleh Ping dan Rafidah Aga Mohd Jaladin (2013) untuk mengetahui kompetensi kaunseling multibudaya terhadap 52 pasangan kaunselor dan klien (bukan OKU). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kaunselor mempunyai tahap kompetensi yang lemah dalam Kompetensi Kaunseling Multibudaya. Selain itu, mereka dilaporkan tidak bersedia untuk mengendalikan perkhidmatan kaunseling yang melibatkan perbezaan latar belakang budaya.

Kompetensi Kaunseling Multibudaya mempunyai hubungan secara langsung dengan kompetensi kaunseling secara keseluruhan (Tao, Owen, Pace, & Imel, 2015). Oleh itu, kajian kuantitatif untuk mengkaji tahap kompetensi terhadap 39 orang kaunselor sekolah di Perak yang dijalankan oleh Abdul

Malek Abdul Rahman, Siti Zubaidah, Samsiah Jais, dan Nor Junainah Mohd Isa (2014) dapat menunjukkan tahap Kompetensi Kaunseling Multibudaya walaupun pengkaji tersebut mengkaji kompetensi secara keseluruhan. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa tahap kompetensi kaunselor sekolah adalah pada tahap sederhana.

Hasil tinjauan awal pengkaji turut mendapati bahawa Kompetensi Kaunseling Multibudaya GBKS adalah lemah. GBKS kurang menyedari kewujudan MBK di sekolah, kurang berpengetahuan berkenaan dengan jenis-jenis MBK di sekolah serta menyatakan kekurangan kemahiran untuk berdepan dengan MBK. Walhal, GBKS mempunyai tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada kesemua pelajar di sekolah namun kurang dipraktikkan.

Berikut merupakan kajian-kajian Kompetensi Kaunseling Multibudaya di luar negara. Hasil kajian kuantitatif mengenai efikasi sendiri Kompetensi Kaunseling Multibudaya yang dilaksanakan oleh Adams (2015) terhadap kaunselor sekolah di British Columbia mendapati bahawa kebolehan kaunselor mengendalikan kaunseling multibudaya adalah pada tahap agak sederhana.

Kompetensi Kaunseling Multibudaya turut dikaji dalam keadaan tidak langsung, iaitu menggunakan konstruk efikasi sendiri. Penggunaan efikasi sendiri dapat mencerminkan kecekapan mereka dalam elemen multibudaya. Sebuah kajian telah dijalankan oleh Aksoy dan Diken (2009) berkenaan dengan efikasi sendiri dalam mengendalikan perkhidmatan kaunseling dan konsultasi dalam pendidikan khas terhadap 277 orang kaunselor sekolah rendah di Turki mendapati bahawa efikasi sendiri kaunselor adalah pada tahap sederhana.

Kajian meta-analisis oleh Tao et al. (2015) dijalankan terhadap 18 buah artikel mengenai proses perhubungan terapeutik. Hasil kajian mendapati ahli terapi yang menunjukkan kompetensi multibudaya dalam perhubungan terapeutik membantu meningkatkan kerjasama antara ahli terapi dan klien. Selain itu, klien yang mengikuti sesi bersama ahli terapi yang menunjukkan kompetensi multibudaya menyatakan bahawa sesi yang diikuti adalah bernilai dan dapat mempengaruhi mereka.

Hasil kajian lepas yang telah dinyatakan bahawa sebilangan besar kajian yang dijalankan adalah berkenaan elemen kebudayaan seperti etnik, namun, kelainan upaya turut dikelompokkan ke dalam elemen kebudayaan (Sue, Arredondo, & McDavis, 1992). Oleh itu, secara tidak langsung kajian berkenaan bukan OKU turut dapat difahami melalui kajian OKU. Dapatan kajian lepas menunjukkan kaunselor tidak cekap menangani klien yang mempunyai perbezaan latar belakang dan tahap kompetensi dalam pelaksanaan perkhidmatan adalah lemah sehingga sederhana.

## **Cadangan dan Penambahbaikan Kajian**

Melalui dapatan kajian di atas, disimpulkan bahawa isu keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya GBKS terhadap MBK merupakan isu yang perlu diberi perhatian lanjut. Hal ini disebabkan ianya boleh memberi kesan yang negatif terhadap keprofesionalan GBKS serta kesejahteraan MBK itu sendiri jika ianya dibiarkan berlarutan dalam keadaan sedemikian. Selain itu, hasil kajian lepas menunjukkan hasil kajian yang berbeza terutama dari segi keterlibatan. Selain itu, kajian-kajian yang menyentuh konstruk keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya turut kurang dikaji dalam konteks OKU terutama di sekolah aliran perdana yang melaksanakan PPKI dan PPI di Malaysia.

Oleh itu, objektif kajian yang dicadangkan adalah, pertama, meneroka keterlibatan GBKS dalam melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap MBK terutamanya di sekolah aliran perdana yang melaksanakan PPKI atau PPI dan kedua meneroka Kompetensi Kaunseling Multibudaya dalam kalangan GBKS apabila membekalkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK.

## Metod Kajian

Kajian lanjut yang dicadangkan adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif adalah pendekatan yang digunakan untuk mengkaji makna dalam sesebuah masyarakat (Creswell, 2014). Penggunaan kaedah ini dalam mengkaji elemen kompetensi dan multibudaya turut dicadangkan oleh Adams (2015), Abdul Malek Abdul Rahman et al. (2014), Dodson (2013), Jayne, Stulmaker, dan Purswell (2013), dan Strike et al. (2004).

Pengkaji mencadangkan reka bentuk kajian kes pelbagai (*multiple case study*) digunakan untuk memahami kajian ini. Yin (2009) menyatakan kajian kes dipilih disebabkan pengkaji ingin mengkaji fenomena semasa secara mendalam dan ianya berlaku dalam konteks sebenar yang mempunyai sempadan tertentu. Yin turut menyatakan bahawa metod kajian kes pelbagai adalah lebih baik berbanding dengan kajian kes tunggal dan hasil kajian kes pelbagai memberikan keputusan yang lebih kukuh. Pengkaji ingin meneroka fenomena semasa iaitu Kompetensi Kaunseling Multibudaya dalam konteks sebenar dan bersempadan iaitu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling GBKS di sekolah aliran perdana yang melaksanakan PPKI dan PPI secara mendalam. Kajian kes pelbagai ini membolehkan pengkaji mendapatkan generalisasi konteks dengan lebih kuat menerusi perbandingan kes-kes yang dipilih. Generalisasi ini didapati dengan membandingkan dapatan daripada beberapa kes yang dipilih, iaitu pemilihan beberapa sekolah yang berbeza.

## Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah Pengumpulan data yang dicadangkan adalah temubual mendalam dan analisis dokumen. Proses menemuduga melibatkan perbualan antara penemuduga yang berkemahiran dan individu yang mempunyai pengetahuan tertentu. Teknik ini digunakan untuk memperoleh maklumat disamping pemahaman terhadap sesuatu isu (Guest, Namey, & Mitchell, 2013). Kelebihan teknik ini adalah pengkaji memperolehi maklumat daripada individu yang dipilih secara khusus dan berpengetahuan terhadap topik yang dikaji. Beberapa kriteria pemilihan sampel sekolah dan GBKS akan ditentukan agar dapat memperbanyakkan perolehan maklumat. Antara kriteria yang dikenalpasti seperti (1) jenis sekolah yang mendaftarkan OKU, (2) jenis perkhidmatan GBKS iaitu sepenuh masa, dan (3) pendaftaran GBKS dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

Pengumpulan data dokumen digunakan kerana ianya membantu pengkaji memahami fenomena utama terhadap sesuatu topik dan jenis pengumpulan data ini kerap digunakan dalam kajian etnografi, kajian kes dan naratif (Creswell & Clark, 2015). Pengkaji akan menggunakan dokumen seperti buku log perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, surat edaran kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling, senarai rujukan klien, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

## Sumbangan Kajian terhadap Bidang Keilmuan, Pihak Berkenaan dan Bidang Profesional

Sumbangan utama cadangan kajian ini adalah dengan pembinaan Model Kompetensi Kaunseling Multibudaya terutamanya yang memandu pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada MBK di seting pendidikan khas. Model yang dibina turut dapat digunakan oleh kaunselor yang melaksanakan praktis kepada klien yang terdiri daripada kalangan OKU. Pembinaan model ini adalah hasil daripada penerokaan faktor-faktor keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya GBKS. Seterusnya, hasil kajian ini dapat memberi maklumat kepada Sektor Pendidikan Khas, KPM mahupun kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah (UBKS) dalam merancang dan melaksanakan kursus atau seminar khas kepada para guru, GBKS dan ibu bapa bagi meningkatkan kesedaran berkenaan keperluan psikologi MBK seterusnya memupuk kerjasama antara mereka. Kerjasama tersebut diharap membantu dalam menangani isu yang dihadapi MBK selain dapat membantu memenuhi keperluan mereka.

Selain itu, kajian ini adalah untuk menambah bilangan penyelidikan bidang kaunseling multibudaya terutama dalam elemen ketidakupayaan. Beberapa pengkaji menyatakan bahawa terdapat kekurangan

kajian berkenaan dengan elemen multibudaya dalam konteks Malaysia (Hanani Harun Rasit, 2014; Rafidah Aga Mohd Jaladin & Lau Li Poh, 2014).

Akhirnya, hasil kajian ini juga dapat meningkatkan pengetahuan profesion membantu lain mengenai faktor keterlibatan mereka terhadap individu yang mempunyai perbezaan latar belakang budaya dan memahami konteks kompetensi multibudaya secara keseluruhannya.

## Kesimpulan

Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam kalangan GBKS terhadap MBK merupakan isu yang kurang dikaji. Berdasarkan sorotan kajian lepas, terdapat dua faktor yang dapat dikaitkan dengan perkhidmatan ini, iaitu keterlibatan dan Kompetensi Kaunseling Multibudaya. Kedua-dua faktor tersebut dilihat dapat membantu pengkaji memahami isu perkhidmatan yang dialami terutamanya di seting sekolah aliran perdana yang melaksanakan PPKI atau PPI. Seterusnya, kajian-kajian lepas turut menunjukkan 'konsep' secara tidak langsung, iaitu aspek multibudaya bukan hanya difahami melalui pengetahuan am semata-mata, tetapi ianya merangkumi elemen seperti pendedahan dan interaksi sehingga terjadinya pengalaman.

## Rujukan

- Abdul Malek Abdul Rahman, Siti Zubaidah, Samsiah Jais, & Nor Junainah Mohd Isa. (2014). Competency level of the counselor in secondary schools in Malaysia. *International Journal of Education and Research*, 2(3), 1-12.
- Adams, C. (2015). *Multicultural counselling self-efficacy among school counsellors in British Columbia* (Tesis Master yang tidak diterbitkan). The University of British Columbia, Vancouver.
- Aksoy, V., & Diken, I. H. (2009). Examining school counselors' sense of self-efficacy regarding psychological consultation and counseling in special education. *Ilkogretim Online*, 8(3), 709.
- Auger, R. W. (2013). Autism Spectrum Disorders: A research review for school counselors. *Professional School Counseling*, 16(4), 256-268.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design : Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications, Inc.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2015). *Understanding research: A consumer's guide* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Dodson, F. K. (2013). Exploring the multicultural competence of school counselors. *Journal of Counselor Preparation & Supervision*, 5(2), 18-29. doi:10.7729/52.0041
- Fish, L. T., & Smith-Augustine, S. (2015) *School counselors and vocational rehabilitation counselors: Collaborating for high school students' with disabilities success*. VISTAS Online.
- Goodman, J. I., Bucholz, J., Hazelkorn, M., & Duffy, M. L. (2014). Using graduation rates of students with disabilities as an indicator of successful inclusive education. *Measuring Inclusive Education (International Perspectives on Inclusive Education, Volume 3) Emerald Group Publishing Limited*, 3, 279-301.
- Gruman, D. H., Marston, T., & Koon, H. (2013). Bringing mental health needs into focus through school counseling program transformation. *Professional School Counseling*, 16(5), 333-341.
- Guest, G., Namey, E. E., & Mitchell, M. L. (2013). *Collecting qualitative data: A field manual for applied research*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Hanani Harun Rasit. (2014). *Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar bermasalah di Program Pendidikan Khas Integrasi*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hott, B., Thomas, S., Abbassi, A., Hendricks, L., & Aslina, D. (2014a). *The role of the school counselor*. Paper presented at the National Forum Journal of Counseling and Addiction.
- Hott, B., Thomas, S., Abbassi, A., Hendricks, L., & Aslina, D. (2014b). Supporting students with emotional disabilities: What every counselor needs to know. *National Forum Journal of Counseling and Addiction*, 3(1), 1-8.

- Hott, B., Thomas, S., Abbassi, A., Hendricks, L., & Aslina, D. (2015). It takes a village: counselor participation with students, families, and other school personnel in serving students with special needs. *National Forum of Special Education Journal*, 26(1), 1-9.
- Jayne, K. M., Stulmaker, H. L., & Purswell, K. E. (2013). Multicultural dimensions in child counseling research: A systematic review. *Journal of Professional Counseling: Practice, Theory & Research*, 40(2), 15-32.
- KPM. (2012a, 24 Desember). *Program Pendidikan Inklusif*. Didapati daripada <http://www.moe.gov.my/v/Program-Pendidikan-Inklusif-Informasi-Program>
- KPM. (2012b, 24 Desember). *Program Pendidikan Khas Integrasi*. Didapati daripada <http://www.moe.gov.my/v/program-pendidikan-khas-integrasi-informasi-program>
- KPM. (2016). *Data pendidikan khas 2016*. Didapati daripada <https://www.moe.gov.my/images/KPM/BPKhas/buku-data-pendidikan-khas-2016-PRINT.pdf>
- Krajncan, M., Sinjur, A., & Kranjec, T. (2015). The existing level of social competence of children with special needs from the teacher's point of view. *New Educational Review*, 40(2), 260-271. doi:10.15804/ner.2015.40.2.22
- Lewis, S. V. (2010). *Is there a relationship between pre-service training, in-service training, experience, and counselor's self-efficacy and whether they work with student with special needs?* (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). University of Central Florida Orlando, Florida.
- Melissa Ng Lee Yen Abdullah, Mey, S. C., Eng, T. K., Rosly Othman, & Ahmad Fairuz Omar. (2013). School-to-work transition services for students with disabilities in Malaysia: organisations' views on policy and practices. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 13(4), 259-271. doi:10.1111/j.1471-3802.2011.01216.x
- Nichter, M., & Edmonson, S. L. (2005). Counseling services for special education students. *TCA JOURNAL*, 33(2), 50.
- Parchomiuk, M. (2015). Value preferences of teachers and their attitudes towards individuals with disabilities. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62(3), 276-287. doi:10.1080/1034912X.2015.1020919
- Ping, V. S., & Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2013). The relationship between Malaysian counselors' multicultural counseling competence and client satisfaction. *Malaysian Online Journal of Counseling*, 1(1), 24-28.
- Rafidah Aga Mohd Jaladin. (2013). Barriers and challenges in the practice of multicultural counselling in Malaysia: A qualitative interview study. *Counselling Psychology Quarterly*, 26(2), 174-189.
- Richmond-Frank, S. (2015). Because "mama" said so: A counselor-parent commentary on counseling children with disabilities. *The Professional Counselor*, 5(2), 304.
- Roberts, L. A. (2012). School counselors as key personnel in helping improve the transition outcomes of students with significant disabilities. *VISTAS 2012*, 96, 1-12.
- Sazak-Pinar, E., & Güner-Yildiz, N. (2013). Investigating teachers' approval and disapproval behaviors towards academic and social behaviors of students with and without special needs. *Educational Sciences: Theory & Practice*, 13(1), 551-556.
- Sheri, L. (2015). Reducing stigma towards people with mental illness in Malaysia. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 16(2).
- Steuernagel, J. A. (2014). *Factors that contribute to the intercultural sensitivity of school counselors in international schools: A path analysis*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). University of Minnesota. Minneapolis, Minnesota.
- Strike, D. L., Skovholt, T. M., & Hummel, T. J. (2004). Mental health professionals' disability competence: measuring self-awareness, perceived knowledge, and perceived skills. *Rehabilitation Psychology*, 49(4), 321-327. doi:10.1037/0090-5550.49.4.321
- Sue, D. W., & Sue, D. (2008). *Counseling the culturally diverse: Theory and practice* (5th edition ed.). Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Sue, D. W., Arredondo, P., & McDavis, R. J. (1992). Multicultural counseling competencies and standards: A call to the profession. *Journal of Counseling and Development*, 70(4), 477-486.
- Tait, M. (2013). *Perceptions of school counselors regarding their roles in transition services for students with learning disabilities towards postsecondary education*. (Tesis PhD yang tidak diterbitkan). Texas Woman's University, Texas.



- Tao, K. W., Owen, J., Pace, B. T., & Imel, Z. E. (2015). A meta-analysis of multicultural competencies and psychotherapy process and outcome. *Journal of Counseling Psychology*, 62(3), 337.
- Wickremesooriya, S. F. (2015). A right to speak and a right to be heard. *The Canadian Journal of Action Research*, 16(1), 3-21.
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publication.